



## PEMBERITAHUAN

### **WASPADA TERHADAP MESEJ DARIPADA PIHAK TIDAK DIKENALI TAWARKAN PELUANG JANA PENDAPATAN SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin menasihatkan orang ramai untuk berwaspada terhadap penyebaran mesej daripada pihak tidak dikenali melalui platform WhatsApp atau media sosial, yang menawarkan peluang menjana pendapatan kepada mereka yang terkesan semasa pandemik COVID-19.

Kandungan mesej yang tersebar itu memaklumkan: *Due to the influence of COVID-19, majority of Malaysians are facing salary problems. We are now launching a mobile online part-time platform, earning RM100-RM500 per day, please click here [https://\\*\\*\\*\\*\\*](https://*****).*

Orang ramai adalah diingatkan untuk tidak terpedaya dengan mesej tawaran yang mencurigakan. Pada masa yang sama, elak daripada membala mesej serta klik pada pautan yang diberikan. Padamkan mesej tersebut dan tidak memanjangkannya kepada orang lain.

Kewaspadaan orang ramai adalah penting dalam melindungi diri daripada menjadi mangsa penipuan, kecurian maklumat peribadi serta bentuk jenayah yang lain.

**[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)**